

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.



AmAssurance

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 01/2026

1 Apakah EV 365 Care?

EV 365 Care ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli untuk kenderaan elektrik bersama dengan produk insurans komprehensif kereta persendirian yang ditawarkan oleh kami, iaitu Kereta Persendirian Komprehensif, auto365 Comprehensive Lite, auto365 Comprehensive Plus dan auto365 Comprehensive Premier. Pakej ini memberikan manfaat-manfaat seperti bantuan penundaan 24 jam, kerugian atau kerosakan pada pengecas dinding rumah, liabiliti peribadi disebabkan oleh pengecas dinding rumah, dan lain-lain.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM162.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan berikut:

EV 365 Care Anda melindungi:

Manfaat-manfaat		Jumlah Diinsuranskan	
		BEV 365 Care	PHEV 365 Care
1	Bantuan Penundaan 24 Jam: Kehabisan Caj	Tiada had – ke stesen pengecas elektrik terdekat yang berfungsi, atau rumah anda atau rumah pemandu dibenarkan oleh anda, di mana yang terdekat	Tidak Berkenaan
2	Kerugian atau Kerosakan pada Pengecas Dinding Rumah - <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>	Sehingga RM12,000	
3	Liabiliti Peribadi Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah	Sehingga RM50,000	
4	Perlindungan Ihsan Untuk Kerosakan Rumah Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah - <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>	Sehingga RM5,000	
5	Perlindungan Ihsan Semasa Menggunakan Stesen Pengecasan Awam - <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>	Sehingga RM5,000	
6	Kerugian atau Kerosakan Pada Pengecas Elektrik Mudah Alih - <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>	Sehingga RM2,000	

Nota:

- "Kenderaan Elektrik Berkuasa Bateri (BEV)" merujuk kepada kenderaan elektrik yang menggunakan tenaga elektrik yang disimpan dalam pek bateri yang boleh dicas semula, tanpa enjin pembakaran dalaman.
- "Kenderaan Elektrik Hibrid Plug-in (PHEV)" merujuk kepada kenderaan hybrid yang menggabungkan enjin pembakaran dalaman dengan pek bateri yang boleh dicas semula.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Pakej EV anda tidak melindungi*:

- Untuk manfaat 1:
 - a. kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.
 - b. sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa dan bayaran letak kereta (jika ada).
- Untuk manfaat 2 and 6:
 - a. kekurangan atau pembaikan yang tidak betul termasuk penggunaan aksesori atau bahagian pengeluaran yang tidak tulen.
 - b. untuk kegunaan komersial.

*Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk endorsmen polisi untuk melihat keseluruhan maklumat di bawah pakej ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pakej EV 365 Care ini, anda perlu membayar premium berikut:	
Premium Kasar	RM150.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM12.00
(+) Duti Setem	RM0.00
Jumlah Premium Yang Perlu Dibayar	RM162.00
Di mana ia adalah termasuk:	
Komisen	10% Premium Kasar atau RM15.00

Sila ambil perhatian tentang nota berikut:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang ditentukan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah pada 26/01/2026.

MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk asas motor yang berkaitan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: • Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam. • Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan. • Sila muat turun aplikasi AmAssurance One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dial 1 800 88 6333 untuk bantuan.
E	Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada ekses akan dikenakan.
F	Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. EV 365 Care hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk komprehensif kereta persendirian.
G	Sila rujuk endorsmen EV 365 Care untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini.

? Bolehkah saya batalkan EV 365 Care saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan EV 365 Care anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium EV 365 Care sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat lanjut tentang pembatalan, sila merujuk kepada kontrak polisi motor.